

KPDN Temerloh rampas 5,000 liter minyak diesel

Oleh ROSILAWATI ROSEDI 07 Mei 2024 10:08am Masa membaca: 4 minit



Anggota penguat kuasa menjalankan pemeriksaan pada tangki minyak terbabit. Foto KPDN

TEMERLOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Cawangan Temerloh merampas 5,000 liter minyak diesel di tapak pembinaan di Pamah Kasih di sini pada Isnin.

Ketua KPDN Cawangan Temerloh, Abdul Razak Yahaya berkata, serbuan anggota penguat kuasa cawangan itu dilakukan menerusi Ops Tiris bagi membanteras penyelewengan minyak diesel.

Menurutnya, satu tangki penyimpanan minyak diesel ditemui di lokasi terbabit.

"Tangki terbabit menyimpan kira-kira 5,000 liter minyak diesel tanpa sebarang surat kebenaran Pengawal Bekalan Malaysia atau permit menyimpan barang kawalan yang sah.

"Maklumat awal diperolehi mendapati minyak diesel yang disimpan tersebut adalah untuk kegunaan jentera di tapak pembinaan tersebut," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Ujar beliau, dalam serbuan tersebut, pihak KPDM menahan seorang lelaki warga tempatan berusia 59 tahun yang disyaki penyelia tapak projek berkenaan untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Jelasnya, siasatan juga akan menjurus kepada sama ada pihak yang berkenaan menggunakan minyak diesel bersubsidi atau sebaliknya.

"Nilai rampasan bagi kes terlibat dianggarkan sebanyak RM30,300," tambahnya lagi.

Dalam pada itu, beliau berkata, KPDM memberi amaran kepada mana-mana individu supaya tidak melakukan aktiviti yang menyalahi undang-undang seumpama itu dan bagi pelanggaran undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

"Hukuman yang dikenakan adalah berat iaitu bagi individu boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi syarikat pula boleh didenda sehingga RM2 juta," jelasnya.